

SOP ketat jika PRN diadakan

BH
- 6/10/2021
mls: 2

PM maklum
kebimbangan
rakyat terhadap
risiko penularan
COVID-19

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Ismail Sabri menyedari kebimbangan rakyat berhubung risiko penularan COVID-19 sekiranya Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan di Melaka susulan kemelut politik yang berlaku di negeri itu.

Sehungan itu, Perdana Menteri percaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menetapkan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat bagi memastikan PRN berjalan dalam keadaan terkawal.

Selain itu, katanya, perbincangan akan dilakukan dengan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai perkara itu.

“Saya faham dan dengar. Media sosial saya dihujani pelbagai pandangan ramai yang bimbang dan takut kalau ada PRN (akan diadakan) seperti di Sabah dulu.

“Di Sabah dulu, kes sudah rendah tetapi disebabkan PRN Sabah, (kes) meningkat semula. Justeru, ramai yang bimbang,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2021, di sini, semalam.

Kerajaan Negeri Melaka pimpinan Barisan Nasional (BN) kelmarin hilang majoriti susulan empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) itu mengumumkan menarik sokongan terhadap kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

Empat ADUN itu ialah bekas Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron (BN-Sungai



Ismail Sabri ketika membuat pemeriksaan kenderaan agensi terbabit selepas melancarkan Bulan Kesiapsiagaan Nasional 2021 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah /BH)

Udang), Datuk Nor Azman Hassan (BN-Pantai Kundor), Datuk Norhizam Hassan Baktee (Bebas-Pengkalan Batu) dan Datuk Noor Effandi Ahmad (Bersatu-Telok Mas).

Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka mempunyai 28 kerusi dengan 14 kerusi dipegang BN, Bersatu (dua), DAP (tujuh), PKR (dua), Amanah (dua) dan Bebas (satu).

Mengulas lanjut, Ismail Sabri yang juga Naib Presiden UMNO berkata, beliau menyerahkan kepada kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk mencari penyelesaian ber-

hubung isu di Melaka kerana ia turut membabitkan isu parti.

Katanya, beliau difahamkan bahawa Ahmad Zahid sudah mengadakan perbincangan berhubung perkara berkenaan dengan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

“Kita serahkan kepada Presiden UMNO dan biar Melaka menyelesaikan isu ini,” katanya.

Ditanya kemungkinan krisis politik di Melaka akan turut ‘berjangkit’ hingga ke Putrajaya pula, Ismail Sabri berkata, apa saja boleh berlaku ketika ini.

“Kita berharap keadaan stabil. Sekarang selepas MoU (memorandum persefahaman) ditandatangani antara kerajaan dengan pembangkang, kita melihat keadaan politik stabil.

“Bukan saja kita melihat stabil serta tenang di Parlimen, malah seluruh negara juga dalam keadaan stabil dan rakyat happy (gembira) dengan keadaan seperti ini.

“Tidak berlaku ‘politiking’ melampau seperti dulu yang akhirnya rakyat melihat orang politik hanya berpolitik tanpa melihat kepada kepentingan negara dan sebagainya,” katanya.